



MESTI TONTON: Norman ketika berucap di Forum 'The Art of Vikingdom' di UNIMAS pada Sabtu yang lepas.

'Vikingdom' boleh dijadikan contoh untuk menembusi pasaran global

Oleh Henrietta Liza

KEJAYAAN pembikinan filem 'Vikingdom' oleh KRU Studios harus menjadi pendorong positif kepada penerbit dan pengarah tempatan untuk membuat filem yang boleh menembusi pasaran global. Justeru, Penerbit Eksekutif 'Vikingdom' Norman Abdul Halim mengadakan forum 'The Art of Vikingdom' bersama pelajar Univeristi Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada Sabtu lepas.

"Setakat ini, 'Vikingdom' merupakan filem yang menelan belanja tertinggi dalam sejarah industri filem tanah air iaitu melebihi 20 juta," katanya di Forum 'The Art of Vikingdom' di UNIMAS.

Ia mendapat tempat di 80 pasaran negara luar untuk ditayangkan dalam bentuk 2D dan 3D dan akan ditayangkan buat pertama kali oleh pengedar filem Epic Pictures Releasing di Amerika Syarikat (AS) pada 4 Oktober ini.

Tambahnya, Universal Pictures juga akan mengedarkan filem itu ke England, negara-negara Nordik, Australia, New Zealand dan beberapa daerah lain dalam pasaran antarabangsa.

Menurut Norman, pengarah 'Vikingdom' iaitu

Yusry Abdul Halim telah mendedikasikan dua tahun bagi menyiapkan sepenuhnya filem itu yang bakal ditayangkan di pawagam seluruh negara bermula 12 September ini.

Katanya, 'Vikingdom' merupakan salah sebuah filem berskala besar di mana produksi filem ini mengambil masa enam bulan untuk dijalankan manakala dua bulan bagi penggambaran dan 16 bulan bagi pasca produksi.

"Walaupun pelakon-pelakon dalam filem ini dari luar negara, namun tenaga kerja produksi di sebalik lensa kamera adalah rakyat Malaysia. "Vikingdom" adalah filem fantasi dan aksi mengenai pengembaraan seorang raja yang telah lama dilupakan iaitu Eirick lakonan Dominic Durell yang diberi tugas untuk menewaskan 'Thor' iaitu 'God of Thunder'.

"Eirick diiringi oleh teman baiknya iaitu Sven dan Tang, hamba Cina yang berikrar sanggup mati demi Eirick.

"Pengembaraan mereka bermula dengan pencarian Horn of Odin dan kemudiannya menentang angkatan tentera Thor," jelasnya.

Ia mendapat kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) yang telah dirasmikan oleh Pengurus FINAS Datuk Afendi Hamdan.

Turut hadir adalah panel penceramah termasuk Yusry Abdul Halim (pengarah), Tommy Mansur (Perekam Produksi) dan Sherwin Nunis (Pengarah Seni) filem Vikingdom.

Untuk maklumat lanjut mengenai filem sila hubungi Khaireen Kamarudin di Khaireen.kamarudin@krustudios.com / enquiries@krustudios.com atau layari [facebook Vikingdom http://www.facebook.com/Vikingdom?fref=ts](http://www.facebook.com/Vikingdom?fref=ts) atau laman You Tube <https://www.youtube.com/user/vikingdomthemovie?feature=watch>.